

Siri Artikel: Jadilah Pengguna Kewangan Dalam Talian Yang Bertanggungjawab

Bahagian 4

Selaras dengan perkembangan teknologi dalam perkhidmatan kewangan, risikonya juga turut berkembang. Baru-baru ini, terdapat peningkatan dalam penipuan *malware* melalui telefon pintar, mesej pancingan data (*phishing*), dan penipuan pembayaran dalam talian di rantau ini dan di Negara Brunei Darussalam. Untuk mengatasi ancaman siber ini dan melindungi pengguna-pengguna kewangan, institusi-institusi kewangan secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan sistem perbankan masing-masing untuk mengelakkan pencerobohan data.

Pada masa yang sama, pengguna kewangan seperti awda juga memainkan peranan yang besar dalam menjaga keselamatan data peribadi serta memperkukuhkan peranti masing-masing. Dengan kerjasama institusi kewangan dan pengguna kewangan, kita boleh membina pertahanan yang kuat dan kukuh untuk menentang risiko kecurian maklumat dan kerugian kewangan, serta memastikan kita sentiasa selamat dalam talian.

Dalam siri artikel empat bahagian ini, kami akan mengongsikan beberapa tip dan nasihat untuk meningkatkan perlindungan daripada penipuan digital dengan menjadi pengguna kewangan di dalam talian yang bertanggungjawab. Pada minggu ini, kita akan membincangkan tindakan yang perlu diambil jika awda menghadapi serangan siber atau menemui transaksi yang mencurigakan dalam akaun awda.

1. Ambil tindakan dengan segera

Tindakan segera seperti berikut merupakan langkah pertahanan proaktif untuk mengelakkan pencerobohan atau transaksi tanpa pengesahan selanjutnya:

- Putuskan sambungan dalam talian dengan menutupkan semua rangkaian (iaitu Wi-Fi, rangkaian telefon, LAN, atau Bluetooth) pada alat peranti yang terjejas.
- Gunakan alat peranti yang selamat untuk menukar semua kata laluan akaun dalam talian awda, terutamanya akaun emel dan akaun membeli belah dalam talian yang berkaitan dengan akaun bank awda.

2. Laporkan aktiviti yang mencurigakan

Meningkatkan kesedaran dan bertindak dengan segera terhadap sebarang tanda yang mencurigakan di dalam akaun kewangan awda adalah sangat penting untuk meringankan potensi risiko. Dengan mengambil langkah-langkah berikut, awda boleh melindungi akaun awda daripada aktiviti-aktiviti mencurigakan yang seterusnya:

- Laporkan kepada bank awda dengan segera. Hubungi talian rasmi bank, pusat aduan pelanggan, atau lawati cawangan yang terdekat.
- Berikan maklumat penuh mengenai aktiviti yang mencurigakan tersebut untuk membantu dalam penyiasatan.
- Buat laporan kepada pihak polis jika perlu.

Siri ini merupakan inisiatif bersama dibawakan oleh:

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) (Instagram: @centralbank.brunei),

Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) (Instagram: @aiti.brunei),

Cyber Security Brunei (CSB) (Instagram: @csb.gov.bn), and

Brunei Association of Banks (BAB) (Laman web: www.bab.org.bn)